

Dasar Hak Asasi Manusia



BlueScope komited untuk menghormati dan menegakkan hak asasi manusia merentasi amalan perniagaan dan rantaian bekalan kami. Kami percaya bahawa semua orang perlu dilayan dengan rasa hormat dan bermaruah dan kami berusaha untuk memastikan bahawa aktiviti dan amalan perniagaan kami sejajar dengan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam hal ehwal Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

mengikut garis panduan dalam Our Purpose (Tujuan Kami) dan Our Bond (Ikatan Kami) dan kedua-dua dokumen ini menggambarkan nilai, prinsip dan wawasan kami untuk mengukuhkan komuniti kami pada masa hadapan. Dokumen-dokumen ini menjadi panduan kepada tindakan dan keputusan kami serta dilengkapi dengan Code of Conduct (Tatakelakuan), Cara Kami Bekerja; yang membantu kami memilih untuk melakukan tindakan yang betul. Komitmen ini membimbing dan memberikan maklumat tentang pendekatan kami terhadap hak asasi manusia:

Kakitangan Kami

- Kami menghormati dan menyokong dalam mempertahankan maruah, kesejahteraan dan hak asasi manusia para pekerja serta percaya bahawa setiap orang mesti dilayan dengan adil dan tanpa diskriminasi. Kami berdiri teguh dengan budaya percaya-mempercayai dan penglibatan langsung, di mana semua pekerja BlueScope digalakkan untuk berkomunikasi secara terbuka dengan pihak pengurusan tentang suasana kerja mereka. Kami menghormati hak pekerja untuk bebas berpersatuan dan menyertai rundingan kolektif secara sukarela mengikut undang-undang tempatan.
- Semua pekerja diharapkan memahami dan mematuhi Code of Conduct (Tatakelakuan), Cara Kami Bekerja.

Tempat Kerja Kami

- Kami percaya bahawa budaya keterangkuman adalah penting bagi tempat kerja yang dihormati, dan kami juga mengiktiraf serta menghargai pelbagai kemahiran, pengalaman, perspektif dan latar belakang yang dibawa oleh kakitangan kami ke dalam Syarikat.
- Kami mempunyai komitmen untuk menyediakan suasana kerja yang selamat dan sihat kepada kakitangan kami dan rakan kongsi yang memilih untuk bekerjasama dengan kami.
- Kami membayar sekurang-kurangnya gaji minimum atau lebih tinggi mengikut undang-undang, serta menyediakan semua manfaat dan ganjaran kerja lebih masa mengikut mandat kontrak yang sah dan pada kadar premium. Gaji dibayar secara penuh dan melalui cara kewangan.
- Kami komited untuk membina kesedaran dan kebolehan kepimpinan dalam mengenal pasti isu hak asasi manusia.

Komuniti Kami

- Kami percaya bahawa semua komuniti berhak untuk menikmati persekitaran yang selamat dan sihat, serta kami komited untuk menghormati hak tersebut.
- Kami mendapatkan maklum balas secara proaktif daripada kumpulan komuniti untuk memastikan hubungan yang kekal utuh dan pandangan mereka juga didengari dengan jelas, dan kami turut berinteraksi dengan semua pihak berkepentingan apabila diperlukan.
- Kami mengiktiraf kepentingan kepelbagaiannya warisan budaya dalam komuniti kami serta hak semua Orang Asli.



Rakan Kongsi Kami

- Kami berusaha untuk bekerjasama dengan rakan kongsi yang berpegang kepada nilai yang dinyatakan dalam Our Bond (Ikatan Kami) serta Dasar Hak Asasi Manusia ini. Rakan kongsi kami termasuk pembekal, pelanggan, kontraktor dan subkontraktor serta semua pihak yang berkepentingan dalam komuniti. Kami menyokong penghapusan ke atas semua bentuk buruh paksa atau buruh wajib dan turut menyokong pemansuhan buruh kanak-kanak dalam bentuk yang paling buruk serta meminta rakan kongsi kami melakukan perkara yang sama.
- Kami komited untuk memastikan bahawa semua penyedia keselamatan menghormati hak asasi manusia dan kebebasan umum.
- Kami melihat prestasi pembekal kami secara khusus sebagai sebahagian daripada rantaian nilai BlueScope dan oleh itu, mengharapkan agar mereka memenuhi piawaian yang tinggi dalam hal ehwal undang-undang, etika, alam sekitar dan pekerjaan.

Pendekatan Kami

Usaha Wajar

Melalui usaha wajar dan remedи serta proses tadbir urus yang bersesuaian, kami bermatlamat untuk mengenal pasti, menilai, memperbaiki dan mengesan impak negatif terhadap hak asasi manusia yang mungkin melibatkan syarikat kami.

Tadbir Urus

Ahli Lembaga Pengarah mengelakkan permerhatian ke atas semua isu hak asasi manusia untuk memastikan harapan kami, seperti mana yang ditakrifkan oleh nilai yang dinyatakan dalam Our Bond (Ikatan Kami), direalisasikan di mana-mana jua kami beroperasi.

Maklum Balas dan Aduan

Di BlueScope, kami komited untuk memupuk budaya bersuara sekiranya terdapat sesuatu perkara yang tidak kena dan melindungi mereka yang berbuat demikian. Untuk maklumat lanjut, sila lihat [Speak Up Policy \(Dasar Bersuara\)](#) BlueScope. Jika anda melihat sesuatu yang bercanggah dengan Our Bond (Ikatan Kami), Code of Conduct (Tatakelakuan) kami, Cara Kami Bekerja ataupun Dasar ini, anda perlu bersuara. Jika anda ingin menyuarakan pendapat, mengemukakan kebimbangan atau membuat aduan atau mendapatkan nasihat lanjut, anda hendaklah berbincang dengan pengurus anda, Kakitangan tempatan anda atau wakil Etika & Pematuhan di tempat anda, hantarkan e-mel kepada ethics@bluescope.com atau hubungi talian utama sulit BlueScope yang diurus oleh pihak luar di www.bluescopespeakup.deloitte.com.au atau melalui e-mel kepada bluescopespeakup@deloitte.com.au